

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PAS sedia bersatu dengan UMNO

KUALA LUMPUR, Jumaat — PAS sedia bersatu dengan UMNO dengan syarat, perlembagaan parti itu diubah berasaskan Al-Quran, tegas Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Haji Yusuf Rawa hari ini.

Katanya, tanpa syarat tersebut, PAS dan UMNO tidak mungkin seiring jalan dan bersatu padu dalam memperjuangkan prinsip Islam.

“Bagaimana boleh bersatu apabila PAS berusaha menegakkan Islam melalui hukum syaria h, sedangkan UMNO pula memperjuangkan Islam menerusi syiar Islam,” tegasnya.

Haji Yusuf Rawa menegaskan demikian selepas merasmikan Dewan Ulama dan Muslimat PAS sempena Muktamar parti tersebut di Dewan Bahasa dan Pustaka, pagi ini.

Selanjutnya beliau berkata, konsep majoriti yang menjadi pegangan Kerajaan sekarang bertentangan dengan Islam kerana berdasarkan konsep sekularisme Barat.

“Keputusan majoriti tidak harus disifatkan selalu betul. Kumpulan minoriti juga harus diberi peluang melahirkan pandangan,” ujar Haji Yusuf lagi.

Menurutnya, oleh kerana masyarakat terpengaruh dengan konsep tersebut serta liberalisme, mereka terbabas dari jalan sebenar.

“Adalah menjadi tanggungjawab PAS memberi penerangan kepada mereka mengenai prinsip Islam yang sebenarnya,” tegasnya.